

17 DEC 1999

AGONG RAI PARA MENTERI BERBUKA PUASA

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah meraikan para menteri kabinet, duta dan perwakilan asing serta pegawai tinggi kerajaan pada majlis berbuka puasa di Istana Negara malam ini.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Tetamu kenamaan lain yang hadir ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan Datuk Dr Rais Yatim, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Nazri Aziz, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid dan Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi. Mereka diiringi isteri masing-masing.

Turut hadir ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Selepas berbuka puasa, Sultan Salahuddin dan Tuanku Siti Aishah menyertai para tetamu menunaikan solat Maghrib.

Seri Paduka berdua juga menunaikan solat IsyaK dan Terawih bersama-sama para tetamu.

-- BERNAMA

NHD FAZ